

BAB I

PENGERTIAN DAN KONSEP AL-QUR'AN

1.1 Pengenalan

Al-Qur'ān adalah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan isi dan ajaran yang terkandung di dalamnya kepada seluruh umat manusia, supaya dapat dijadikan pegangan dan pedoman hidup agar tidak tersesat di dunia dan akhirat.

Pada bab ini akan dipaparkan makna dan konsep al-Qur'ān secara menyeluruh sama ada dari segi pengertian, cara penurunan al-Qur'ān serta hikmahnya, isi kandungannya, fungsinya serta petunjuk al-Qur'ān dalam bidang akhlak dan moral.

1.2 Pengertian al-Qur'ān

Dari segi etimologi atau bahasa, terdapat berbagai-bagai pendapat para ulama mengenai asal kata al-Qur'ān. Sebahagian mereka berpendapat bahawa penulisan kata al-Qur'ān ditulis tanpa huruf hamzah (dibaca al-Qurān). *Al-Syāfi'i* mengatakan bahawa kata al-Qur'ān bukan merupakan *musytaq* (pecahan dari apa

pun akar kata) dan ditulis tanpa *hamzah*¹. Kata tersebut sudah lazim digunakan dalam pengertian *kalāmullah* yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Saw Oleh yang demikian, menurut *al-Syafi'i*, kata tersebut bukan berasal dari akar kata *qara'a* (membaca), sebab kalaupun akar katanya *qara'a*, tentulah setiap sesuatu yang dibaca dapat dinamai al-Qur'an. Kata tersebut sememangnya nama khas bagi al-Qur'an, seperti mana nama Injil dan Taurat². *Al-Farrā'* seorang ulama nahwu dan pakar bahasa Arab di Kufah. Nama asalnya adalah *Yaḥyā bin Ziyād al-Dailāni* dan digelari *Abū Zakāriya*. Ia menulis kitab *Ma'āni al-Qur'an* beliau wafat tahun 207 H. Sepertimana *al-Syafi'i*, *al-Farrā'* berpendapat bahawa kata al-Qur'an bukan *musytaq* dari kata *qara'a*, tetapi adalah pecahan dari kata *qara'in* (jama' dari *qarnah*) yang bererti ; hubungkait, kerana ayat-ayat al-Qur'an saling berhubungkait. Kerana itu, huruf *nun* pada akhir kata al-Qur'an adalah huruf asal bukan huruf tambahan³. Oleh yang demikian, kata al-Qur'an itu dibaca dengan bunyi al-Qur'an, bukan al-Qurān⁴.

Al-Asy'ārī seorang ahli ilmu kalam dan pemuka aliran Sunni berpendapat bahawa kata al-Qur'an adalah *musytaq* atau pecahan dari akar kata "qarn". Beliau mengajukan contoh kalimat "qarn al-syai bi al-syai" (menggabungkan sesuatu dengan sesuatu). Kata *qarn* pada kalimat tersebut bererti gabungan atau kaitan, kerana surah-surah dan ayat-ayat al-Qur'an saling bergabung dan berhubungkait.

¹ Subḥī al-ṣalīḥ (1991). *Membahas Ilmu-Ilmu Al-Qur'an*. (terj.)Tim Pustaka Firdaus cet. Ke II Pustaka Firdaus Jakarta h.10

² Ibid h. 11

³ Ibid h.10

⁴ Ibid h.17

Tiga pendapat di atas pada prinsipnya berkesimpulan bahawa kata al-Qur'an adalah al-Qur'an (tanpa huruf *hamzah* ditengahnya). Hal ini berbeza dengan pemakaian kaidah pembentukan kata yang umum digunakan dalam bahasa Arab. Meskipun demikian, ketiga pendapat tersebut memperlihatkan fungsi dan kedudukan al-Qur'an sebagai *kitābulah* yang ayat-ayatnya saling berhubung kait satu dengan yang lainnya sehingga merupakan satu kesatuan yang sesuai.

Sebahagian ulama lagi berpendapat bahawa kata al-Qur'an ditulis dengan tambahan huruf *hamzah* ditengahnya. *Al-Zajjāj* dan *al-Līlŷānī* termasuk diantara ulama yang berpendapat bahawa penulisan kata al-Qur'an dengan penambahan *hamzah* ditengahnya⁵.

Menurut *al-Zajjāj*, kata al-Qur'an ditulis dengan huruf *hamzah* ditengahnya berdasarkan pola kata (*wazn*) *fu'lān*. Kata tersebut merupakan pecahan dari akar kata *qar'un* yang bererti *jam'un*. Beliau mengemukakan contoh *quri'āl mā'u fi al haudi* ertiinya : air itu dikumpulkan dalam kolam. Alasannya adalah menghimpun intisari kitab-kitab suci terdahulu.

Sepertimana *al-Zajjāj*, *al-Līlŷānī* berpendapat bahawa kata al-Qur'an ditulis dengan huruf *hamzah* ditengahnya berdasarkan *wazn ghufrān* dan merupakan pecahan dari akar kata *qara'a* yang bermakna *fala'a* (membaca). Kata al-Qur'an digunakan untuk menamai sesuatu yang dibaca. Iaitu objek dalam bentuk *masdar*⁶.

⁵ Ibid h.11

⁶ Ibid h.15

Pendapat terakhir ini adalah pendapat yang lazim dipegang oleh masyarakat pada amnya. Menurut *Şubhi al-Sâleh* dalam bukunya “*mabâthî fi ulûm al-Qur’ân*” pendapat ini lebih kuat dan lebih tepat, kerana dalam bahasa Arab kata al-Qur’ân adalah bentuk *masdâr* yang maknanya sinonim dengan *qirâ’ah*, iaitu bacaan⁷. Untuk menguatkan pendapatnya ini, beliau mengajukan dalil dari al-Qur’ân surah *al-Qiyâmah* ayat 17-18 yang berbunyi:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعَهُ وَقُرْآنُهُ (١٧) فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَأَتْبِعْنَاهُ قُرْآنُهُ (١٨)

Ertinya : Sesungguhnya Kami lah yang berkuasa mengumpulkan al-Qur’ân itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu), oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya, (kepadamu dengan perantaraan Jibrîl), maka bacalah menurut bacaanya itu.

Terjemah Surah al-Qiyâmah (75):17-18

kata *qara’â* yang bererti *tala’â* (membaca) diambil orang-orang Arab dari bahasa Aramia dan digunakan dalam percakapan seharian. Kata *qara’â* tersebut dapat pula bererti menghimpun huruf-huruf dan kalimah-kalimah dalam bacaan⁸.

Setelah meneliti beberapa pendapat ulama mengenai pengertian al-Qur’ân dari segi bahasa, maka dapat diperolehi kesimpulan bahawa secara etimologi atau bahasa al-Qur’ân bererti saling berhubungkait antara satu ayat dengan ayat lain, dan mempunyai erti pula bacaan. Semua pengertian ini memperlihatkan bahawa kedudukan al-Qur’ân sebagai *kitâbullah* yang ayat-ayat dan surah-surahnya saling berhubungkait, dan ianya merupakan bacaan bagi kaum muslimin.

⁷ Ibid h.12

⁸ Manna’ al-Qatîtan (t.t.) *Mabâthî Fi Ulûm al-Qur’ân*. Mansyûrât al-‘Ashr al-Hadîth h.20

Dari segi terminologi atau istilah para ulama memberikan definisi al-Qur'an sebagai berikut :

Menurut *Mannā' al-Qattān*, al-Qur'an adalah *kalāmullah* yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Saw dan membacanya adalah merupakan ibadah. Kata "kalām" sebenarnya meliputi seluruh perkataan, namun untuk al-Qur'an kata tersebut disandarkan (*diidāfakan*) kepada Allah (*kalāmullah*), maka ianya tidak termasuk perkataan yang berasal dari selain Allah SWT, seperti perkataan manusia, jin dan malaikat. Dan kitab ini diturunkan kepada Nabi Muhammad Saw, maka terkeluar daripadanya segala sesuatu yang diturunkan kepada para Nabi sebelum Nabi Muhammad Saw, seperti Zabur, Taurat dan Injil. Kalimat "membacanya adalah ibadah", terkeluar daripadanya hadis-hadis Nabi. Al-Qur'an diturunkan Allah SWT dengan lafaznya. Membacanya adalah perintah, kerana itu membaca al-Qur'an adalah ibadah⁹.

Definisi lain mengenai al-Qur'an dikemukakan oleh *al-Zarqānī*, iaitu :

القراءان هو اللفظ المنزل على محمد ص.م من أول الفاتحة إلى آخر الناس

Al-Qur'an itu adalah lafaz yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Saw, dari permulaan surah al-Fatiyah sampai akhir surah al-Nas¹⁰. *Abdul Wahāb Khallāṣ* memberikan definisi sebagai berikut :

⁹ Ibid h.21

¹⁰ Muhammad 'Abd al-'Azīz al-Zarqānī (t. t.) *Maṭālib al-'Irṣān Fi Uluūm al-Qur'an* juz II. Isa al-Baiby al-Halaby wa Syurakauh h.16

Al-Qur'ān adalah firman Allah SWT yang diturunkan kepada hati Rasulullah Muhammad bin Abdullah melalui *al-Rūh al-Amīm* (Jibril A.S) dengan lafaznya yang berbahasa Arab dan maknanya benar, agar ianya menjadi hujah bagi Rasul untuk membuktikan kerasulannya, menjadi undang-undang bagi manusia, menjadi petunjuk kepada mereka, dan menjadi jalan untuk mendekatkan diri dan ibadah kepada Allah SWT dengan membacanya. al-Qur'ān itu terhimpun dalam *mushāfi*, dimulakan dengan surah al-Fatiḥah dan diakhiri dengan surah al-Nas, disampaikan kepada kita secara tulisan dan lisan, ianya terpelihara dari perubahan atau pergantian¹¹.

Jika ketiga-tiga definisi di atas dihubungkan antara satu dan lainnya, akan nampak saling melengkapi dan definisi ketiga nampak lebih lengkap dan sempurna. Dari ketiga-tiga definisi di atas dapat disimpulkan beberapa sifat-sifat yang membezakan al-Qur'ān daripada kitab-kitab diturunkan sebelumnya. Sifat-sifat tersebut adalah seperti berikut :

1. Isi al-Qur'ān

Dari segi isinya, al-Qur'ān adalah merupakan *kalāmullah* atau ucapan Allah SWT. Dengan sifat ini, maka ucapan Rasulullah, Malaikat, jin dan sebagainya tidak dapat disebut al-Qur'ān. *Kalāmullah* mempunyai keistimewaan-keistimewaan yang tidak mungkin dapat ditandingi oleh perkataan lainnya.

¹¹ 'Abd al-Wahhāb al-Khallāf (1972). *Ilmu Usūl al-Fiqh*. Cet. ke IX al-Majlis al-A'la al-Indonesia Li al-Dakwah al-Islamiyah h.23

2. Cara turunnya.

Dari segi cara turunnya, al-Qur'an disampaikan melalui Malaikat Jibril as yang terpercaya (*al-Rūh al-Amīn*). Oleh yang demikian, jika ada wahyu Allah SWT yang langsung disampaikan kepada Nabi Muhammad Saw tanpa perantaraan Malaikat Jibril, seperti al-Hadith al-Qudsi (Hadith yang lafaznya dari Rasulullah dan maknanya dari Allah SWT) tidaklah termasuk al-Qur'an. Al-Qur'an terhad pada jenis wahyu yang bertulis dalam bahasa Arab dan disampaikan kepada Nabi Muhammad Saw melalui Malaikat Jibril.

3. Pembawaanya.

Dari segi pembawanya, al-Qur'an diturunkan kepada Nabi Muhammad Saw, seorang Rasul yang dikenali bergelar *al-Amīn* (terpercaya). Ini bererti bahawa wahyu Allah yang disampaikan kepada Nabi selain daripada Nabi Muhammad Saw tidak dapat disebut al-Qur'an.

4. Fungsinya.

Dalam definisi al-Qur'an telah disebutkan bahawa fungsi al-Qur'an antara lainnya adalah sebagai dalil ataupun petunjuk atas kerasulan Muhammad Saw, pedoman hidup bagi umat manusia, menjadi ibadah bagi orang yang membacanya, serta pedoman dan sumber petunjuk dalam kehidupan.

5. Penyampaiannya.

Al-Qur'an disampaikan kepada kita dengan cara *mutawāfir*, yang bererti disampaikan oleh sejumlah orang yang semuanya sepakat bahawa ianya benar-benar wahyu Allah SWT, terpelihara dari perubahan dan pergantian.

Al-Qur'an mempunyai bermacam-macam nama. Ada yang mengatakan bahawa nama al-Qur'an berjumlah 55 nama. Ada pula yang mengatakan 90

nama¹². Namun dari sekian banyak nama tersebut yang termasyhur hanyalah empat nama iaitu *al-Qur'an*, *al-Kitab*, *al-Furqan*, dan *al-Zikr*.

Dinamai *al-Qur'an* kerana bersesuaian dengan bunyi ayat surah *Yusuf* 2-3 :

إِنَّا أَنزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ (٢) تَحْمِلُ نَفْسَكُمْ عَلَيْكُمْ أَحْسَنَ الْفَصْصِ إِنَّا
أَوْجَبْنَا إِلَيْكُمْ هَذَا الْقُرْآنَ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنْ الْغَافِلِينَ (٣)

Ertinya : Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Qur'an yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya. Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu al-Qur'an ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya.

Terjemahan Surah Yusuf (12):2-3

Dinamai *al-Furqan*, kerana firman Allah SWT surah *al-Furqan* ayat 1 :

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا (١)

Ertinya : Maha berkat Tuhan yang menurunkan al-Furqan kepada hambaNya (Muhammad), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam.

Terjemahan Surah al-Furqan (25):1

Disebut *al-Kitab* kerana Allah SWT menyebutnya dalam surah *al-Kahfi* ayat 1 :

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَعْلَمْ لَهُ عِوَاجًا (١)

¹² Syaikh al-Islām Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūtī (1951). *Al-Itqān Fi Uloom al-Qur'an*. Juz I Mustafa al-Bāby al-Halaby wa Auladahu bi Misr h.79

Ertinya : Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan kepada hambaNya (Muhammad) kitab suci al-Qur'an, dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong).

Terjemahan Surah al-Kahfi (18):1

Disebut *al-Zikr* kerana Allah SWT menamakan demikian di dalam firmanNya surah *al-Hijr* ayat 9 :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ (٩)

Ertinya : Kamilah yang menurunkan al-Qur'an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Terjemahan Surah al-Hijr (15): 9

Nama-nama tersebut menggambarkan keluasan fungsi, kandungan serta kedudukan al-Qur'an, iaitu sebagai bacaan , pemisah antara yang hak dan batil, tulisan dan peringatan bagi manusia. Nama-nama tersebut tidak dijumpai pada kitab-kitab selain daripada al-Qur'an.

1.3 Cara Penurunan al-Qur'an

Al-Qur'an diturunkan berperingkat-peringkat dalam masa lebih kurang 23 tahun. Kadang-kadang turun satu ayat secara bersendirian dan kadang-kadang beberapa ayat menurut keperluan yang menjadi sebab penurunan ayat itu. Penurunan seperti ini ialah untuk memberi kepuasan dan supaya dapat diterima serta menjadi hujah yang kuat kepada mereka. Penurunan al-Qur'an secara sedikit demi sedikit itu (satu ayat atau beberapa ayat) adalah memberi peluang kepada musuh-musuh untuk membuat cabaran ataupun membawa ayat yang serupa. Jika diturunkan sekaligus sudah tentu musuh-musuh itu sama sekali tidak mungkin dapat

membuat cabaran. Tetapi sungguhpun penurunan secara ayat yang pendek kemudian diberi peluang yang cukup, musuh-musuh itu masih tidak dapat mencabar al-Qur'an ataupun mendatangkan ayat yang pendek yang setanding dengan al-Qur'an. Tidak mungkinnya mereka berbuat demikian adalah menjadi dalil atau bukti yang besar lagi nyata bahawa al-Qur'an itu sememangnya merupakan mukjizat yang besar¹³.

1.3.1 Hikmah Diturunkan al-Qur'an Secara Beransur-ansur

Hakikat dan hikmah penurunan ayat secara sedikit demi sedikit ialah untuk memudahkan ingatan orang-orang Arab serta mengalihkan mereka kepada suruhan dan tegahan, menurut peristiwa, supaya mereka dapat merubah dari tingkahlaku dan adat mereka dengan mudah. Sebab orang-orang Arab sebelum Islam adalah berpegang kepada prinsip "kebebasan mutlak" Jadi jika al-Qur'an diturunkan sekaligus nescaya ia menjadi beban yang berat yang mungkin menjauhkan mereka dari mematuhi suruhan dan tegahan Allah SWT

Hakikat penurunan secara demikian juga ialah supaya Rasulullah Saw dapat menghafal, dan dapat memperkuuhkan hati baginda pada setiap kali berhadapan dengan musuh. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Furqān* ayat 32 :

وَقَالَ الْذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ حَمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ تُثْبَتُ بِهِ فُوَادُكَ

وَرَثَنَاهُ تَرْتِيلًا (٣٢)

¹³ Dr.'Afīf 'Abd al-Fattāh Tabārah (1992). *Riħ al-Din al-Islāmi*. Terj. Md Akhir Hj Yaacob.cet. ke II Maskha Sdn.Bhd Kuala Lumpur h.18

erti^{nya} : Berkatalah orang-orang yang kafir ; mengapa al-Qur'an itu tidak diturunkan kepadnya sekali turun sahaja ? Demikianlah supaya Kami perkuat hatimu dengannya dan Kami (menurunkannya dan) membacakan^{nya} kelompok demi kelompok.

Terjemahan Surah al-Furqān (25):32

Al-Qur'ān mencabar orang-orang Arab atau lainnya supaya mendatangkan kitab lain seumpama al-Qur'ān ataupun membawa satu surah sahaja yang serupa dengan al-Qur'ān. Jika cabaran itu tidak dapat dijawab oleh mereka maka itu sebenarnya menjadi bukti kuat bahawa al-Qur'ān itu sememangnya wahyu Tuhan¹⁴.

Orang-orang Arab sangat gemar *balāghah*, sastera, syair dan syaranah (*khitābah*). Setiap tahun mereka membuat pertandingan syair di Ukāz yang dihakimi oleh tokoh-tokoh penyair. Bidang ini menjadi masyhur di kalangan orang-orang Arab dan menjadi perkara paling istimewa bagi mereka. Ini disebabkan oleh dua sebab :

Pertama : Kehidupan padang pasir mendorong mereka supaya membuat penelitian mengembangkan perasaan serta menyuburkan khayalan dimana perkara-perkara seperti ini sangat menolong untuk kelahiran syair.

Kedua : Kehidupan mereka secara kabilah mendorongkan mereka supaya mempunyai sifat bermegah, bermusuhan dan sentiasa berperang. Dengan sebab itu mereka sangat memerlukan penyair-penyair yang bijak yang dapat meletakkan kabilahnya di tempat yang tinggi. Di samping menjatuhkan kedudukan kabilah musuhnya. Ini menyebabkan mereka memberikan perhatian yang lebih kepada

¹⁴ Prof. Hasby al-Shidiqi (1974). *Sejarah Dan Pengantar Ilmu al-Qur'an*. Bulan Bintang Jakarta h.25

syarahan (*khitābah*) dan syair. Oleh itu dengan sendirinya kedudukan syair dan juga kedudukan penyair dipandang mulia.

Al-Qur'an telah diturunkan dengan bahasa yang paling fasih dan dengan susunan ayat serta makna yang paling baik untuk memikat hati penduduk-penduduk Semenanjung Arab yang tidak bersistem itu. Jika orang-orang itu bijak tentang bahasa maka bahasa al-Qur'an lebih baik supaya ianya dapat menundukkan serta meyakinkan ahli-ahli bahasa itu. Apabila orang-orang Arab itu dapat ditundukkan melalui fasahah (kelancaran) al-Qur'an maka kesan yang didapati ialah mereka tidak lagi dapat mempertahankan kebijaksanaan mereka dalam bahasa. Ahli-ahli bahasa Arab mengakui lemah apabila berhadapan dengan al-Qur'an. Penyair-penyair berhenti dari bersyair dan ilham untuk membuat syair menjadi hilang¹⁵.

Tetapi pemimpin-pemimpin *musyrikin* tidak dapat menerima agama baru dan tidak mahu beriman dengan risalah Muhammad Saw Oleh itu mereka mula memerangi "kebenaran" dengan membuat berbagai-bagai tuduhan. Mereka mengatakan al-Qur'an sebagai syair, sihir dan dongeng. Mereka mengatakan Muhammad Saw sebagai orang gila dan tukang tenung.

Oleh kerana sudah menjadi kebiasaan bagi orang-orang Arab membuat cabaran dengan syarahan dan dengan syair maka al-Qur'an telah mencabar mereka supaya mereka mendatangkan satu ayat atau separuh ayat sahaja bagi menandingi al-Qur'an

¹⁵ Al-'Allāmah MH.Tabatabā'ī (1987). *Al-Qur'an Fi al-Islām*. (terj.) Al-Malik Madany & Hamin Ilyas, Mizan Bandung h.30

Hikmah cabaran ini ialah supaya sejarah dapat menyaksikan pada setiap masa bahawa orang-orang Arab adalah lemah untuk menandingi al-Qur'an biarpun mereka itu tokoh-tokoh pemidato yang pintar dan ahli-ahli bahasa yang bijak, dan supaya orang-orang kemudian yang terdiri dari orang-orang bukan Arab tidak dapat membohongi, melupai ataupun bersikap munafiq dengan mengatakan bahawa orang-orang Arab sebenarnya mampu membuat ayat-ayat seperti al-Qur'an.

Cara cabaran al-Qur'an ialah melalui permintaan supaya dibawa surah atau ayat yang serupa dengan al-Qur'an. Di dalam surah *al-Qashas* ayat 49-50 Allah SWT berfirman :

فُلْ قَاتُوا بِكِتَابٍ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ هُوَ أَهْدَى مِنْهُمَا أَتَيْعَةٌ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (٤٩) فَإِنْ

لَمْ يَسْتَجِيْبُوا لَكَ فَاعْلَمُ أَنَّمَا يَتَبَعُونَ أَهْوَاهُمْ وَمَنْ أَصْلَى مِنْ مِنْ أَتَيْعَهُ هَوَاهُ بِغَيْرِ

هُدَىٰ مِنْ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ (٥٠)

Ertinya : "Katakanlah" datangkanlah olehmu sebuah kitab dari sisi Allah SWT yang kitab itu lebih (dapat) memberi petunjuk daripada keduanya (*Taurat* dan *al-Qur'an*) , niscaya aku mengikutinya jika kamu sungguh-sungguh orang yang benar. Jika mereka tidak menjawab (*tentanganmu*), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanyalah mengikuti *hawa nafsu* mereka (*belaka*), dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang mengikuti *hawa nafsunya* dengan tidak berdasarkan hidayah petunjuk dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi pimpinan kepada kaum yang zalim.

Terjemahan Surah al-Qashas (28):49-50

Dalam ayat ini, al-Qur'an meminta dari mereka supaya mengadakan "kitab" yang menyerupai al-Qur'an. Orang-orang Arab tidak dapat berbuat apa dengan cabaran ini. Biarpun mereka cuba menolak cabaran ini tetapi mereka tidak berdaya. Dengan sebab itulah kita dapati di dalam surah *al-Isrā* dinyatakan bahawa mereka itu tidak berdaya dan seterusnya tidak akan berdaya biarpun jin dan manusia bekerja sama. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Isrā* ayat 88 :

قُلْ لَئِنْ اجْتَمَعُتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُ عَلَى أَنْ يَأْتُوا بِعِثْلٍ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ
وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِيَعْضُ ظَهِيرًا (٨٨)

ertiinya : "Katakanlah" Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul membuat yang serupa al-Qur'an ini, niscaya mereka tidak akan dapat berbuat yang serupa dengan dia, sekalipun mereka menjadi pembantu bagi sebahagian yang lain.

Terjemahan Surah al-Isrā (17):88

Di tempat lain al-Qur'an tidak pula mencabar supaya mendatangkan kitab yang menyerupai al-Qur'an seperti di atas, tetapi dicabar supaya membawa sepuluh surat sahaja seperti mana terdapat di dalam Surah *Hud* ayat 13-14 :

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأَتُوا بِعَثْلٍ سُورٍ مِثْلِهِ مُفْرِيَاتٍ وَادْعُوا مَنْ أَسْتَطْعُمْ مِنْ

دُونِ اللَّهِ إِنْ كُشِّمْ صَادِقِينَ (١٣) فَإِنَّمَا يَسْتَحْيِيُوا لَكُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّا أَنْزَلَ بِعِلْمٍ اللَّهِ

وَأَنَّ لَآ إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَهَلْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ (٤)

ertiinya : Bahkan mereka mengatakan : Muhammad Saw telah membuat-buat al-Qur'an itu. Katakanlah (kalau demikian) maka datangkanlah sepuluh surah yang dibuat-buat yang menyamainya, dan panggilah orang-orang yang kamu sanggup (memanggilnya)

selain Allah SWT, jika kamu memang orang-orang yang benar. Jika mereka yang kamu seru itu tidak menerima seruanmu (ajakanmu) itu maka ketahuilah, sesungguhnya al-Qur'an itu diturunkan dengan ilmu Allah SWT, dan bahwasannya tidak ada Tuhan selain Dia, maka mahukah kamu berserah diri kepada Allah SWT?

Terjemahan Surah Hud (11):13-14

Kelemahan orang Arab untuk membawa sepuluh surah yang sama seperti al-Qur'an adalah menjadi bukti bahawa al-Qur'an itu datang dari sisi Allah SWT dan sekaligus membuktikan keesaan Allah SWT Di tempat yang lain pula al-Qur'an mencabar supaya dibawa hanya satu ayat sahaja sepetimana yang terdapat di dalam surah *al-Baqarah* ayat 23-24 :

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ وَادْعُوا شَهِيدَاءَكُمْ

مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (٢٣) فَإِنْ لَمْ تَفْعُلُوا وَلَنْ تَفْعُلُوا فَاقْتُلُوا النَّارَ الَّتِي

وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ (٢٤)

ertinya : *Dan jika kamu (tetap) dalam keraguan tentang al-Qur'an yang kami wahyukan kepadaku hamba kami (Muhammad), buatlah satu surah (sahaja) yang seumpama al-Qur'an itu dan ajaklah penolong-penolongmu selain Allah , jika kamu orang-orang yang memang benar. Maka jika kamu tidak dapat membuatnya dan pasti kamu tidak akan dapat membuatnya, peliharalah dirimu dari neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu, yang disediakan bagi orang-orang kafir.*

Terjemahan Surah al-Baqarah (2):23-24

Orang-orang Arab memang mendengar ayat-ayat yang mencabar ini, namun demikian mereka tidak berdaya menerima cabaran tersebut. Mereka lemah

untuk berbuat demikian hingga ke akhir hayat mereka. Sekiranya al-Qur'an ini tidak fasih ataupun kefasihannya tidak melemahkan (*I'jāz*) nescaya mereka akan mengkritik setiap perkataan dan setiap ayat dengan tidak ragu-ragu lagi. Ramai terdapat ahli-ahli bahasa di kalangan orang-orang Arab. Ada di antara mereka yang sengaja menyembunyikan permusuhan mereka ke atas Islam dan mereka ini jika mendapati ada kelemahan atau kekurangan di dalam al-Qur'an, mereka pasti dengan segera menyebut kelemahan itu serta menggantikannya pula dengan perkataan-perkataan yang dapat menandinginya.

Masa terus berganti dan generasi bertukar, sedang ulama, ahli-ahli sastera, ahli-ahli bahasa, pengkritik-pengkritik dan penulis-penulis pada setiap masa mengiktiraf mukjizat al-Qur'an. Mereka mengakui bahawa kebolehan mereka dalam balaghah, fasahah dan bayan sekali-kali tidak mungkin dapat mencapai taraf al-Qur'an

1.4 Tujuan / Matlamat al-Qur'an

Al-Qur'an adalah wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Saw untuk menjadi pedoman dan pegangan hidup seluruh umat manusia, malah al-Qur'an juga merupakan kitab suci dari Allah SWT yang amat lengkap dan sempurna dalam mengatur segala aspek kehidupan manusia yang wajib diimani dan diyakini untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Al-Qur'an juga merupakan mukjizat yang paling agung yang diturunkan oleh Allah SWT ia tidak ada bandingan dari segi segala sifat kebaikan yang boleh diperolehi di dalam mana-mana kitab yang lain. Gandingan segala cerdik pandai , alim ulama, jin-jin dan segala makhluk yang telah dikurniakan Allah SWT ilmu,

pasti tidak akan dapat mengeluarkan sesuatu yang sama, malah sesuatu yang mungkin mempunyai sedikit persamaan dari segi bimbingan dan penawar seperti mana termaktub di dalam al-Qur'an. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an surah *al-Isrā* ayat 88 :

فُلْكٌ لِّئِنْ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَى أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ

وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لَيَقْضِي ظَهِيرًا (٨٨)

Ertinya : katakanlah (wahai Muhammad) sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berkumpul dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Qur'an ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkannya yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu membantu sesama sendiri.

Terjemahan Surah al-Isrā (17):88

Kitab suci al-Qur'an mengandungi berbagai-bagai ilmu pengetahuan, mencakupi peraturan-peraturan hukum, politik, ekonomi, filsafat, teknologi, pendidikan, akhlak dan sebagainya. Sesunggunya dengan menyingkap segal rahsia yang tekandung di dalam al-Qur'an dapat menambahkan keyakinan terhadap kebenaran al-Qur'an sebagai satu-satunya pegangan dan jalan untuk mencapai keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* .2 :

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رِبَّ فِيهِ هُدَى لِلْمُتَّقِينَ (٢)

Ertinya : Kitab itu (al-Qur'an) tidak ada keraguan padanya menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa.

Terjemahan Surah al-Baqarah (2):2

Isi kandungan al-Qur'an telah dijelaskan dan diuraikan oleh beberapa ulama, diantaranya :

Mengikut *Muhammad al-Khudari*, isi kandungan al-Qur'an dapat dikategorikan menjadi tiga bahagian, iaitu :

1. Isi yang berhubungan dengan keimanan kepada Allah SWT, kitab-kitabnya dan hari akhir. Hal ini merupakan pembahasan ilmu kalam.
2. Isi yang berhubungan dengan perbuatan hati dan akhlak yang mulia, ini merupakan pembahasan ilmu akhlak
3. Isi yang berhubungan dengan perbuatan anggota badan, ini merupakan pembahasan ilmu fiqh¹⁶.

Sedangkan *Muhammad 'Abduh* menghuraikan isi pokok al-Qur'an seperti berikut:

1. Tauhid
2. Janji dan kabar gembira serta pahala bagi orang yang berpegang pada tauhid serta ancaman dan peringatan bagi orang yang tidak berpegang padanya.
3. Ibadah yang menghidup dan menumbuhkan tauhid dalam hati.
4. Menerangkan hukum-hukum yang menjadi jalan kebahagian dan cara-cara menempuhinya yang akan membawa kepada kenikmatan sama ada di dunia dan diakhirat.
5. Kisah orang-orang yang berpegang pada batas-batas Allah SWT dan menjalankan pokok-pokok agamanya dan berita orang yang melampaui batas-batas Allah SWT dan membuang hukum agamanya, ini adalah untuk diambil iktibar dan pelajaran agar mengikuti jalan orang-orang yang baik¹⁷.

¹⁶ Muhammad al-Khudari (1920). *Tārikh Tasyri 'Islam*. Dār al-Iḥyā al-Kitāb bi al-'Arabiyyah Misr hal 16-17

¹⁷ Muhammad Rasyid Ridā (1953). *Tafsīr al-Mannār*. Dar al-Manār Misr juz I h.39

Prof. Maḥmūd Syalṭūn di dalam bukunya “*Islām Aqīdah wa Syarī’ah*” menghuraikan bahawa isi kandungan al-Qur’ān itu ada enam macam¹⁸ iaitu :

1. Aqidah yang wajib dipercayai oleh seseorang. Aqidah tersebut ialah iman kepada Allah SWT, Malaikat, Kitab-kitab, Rasul-rasul, Hari akhir, Qodā’ dan Qadar. Hal ini menjadi pemisah diantara mukmin dan kafir.
2. Akhlak yang dapat mendidik jiwa serta memperbaiki masyarakat ataupun perseorangan dan menegah tindakan-tindakan yang dapat mendatangkan bencana kepada manusia.
3. Dorongan dan bimbingan dalam mengamati alam semesta untuk mengetahui hikmat-hikmat Allah SWT di alam ini yang akan mendatangkan keyakinan akan kebesaran Allah SWT berdasarkan pemikiran setelah mengamati bukan sekadar terikut-ikut atau taklid semata.
4. Kisah orang-orang terdahulu, sama ada kisah perchorangan dan bangsa-bangsa. Hal ini bertujuan untuk iktibar dan pelajaran bagi umat yang akan datang.
5. Janji dan ancaman. Terbahagi kepada dua :
 - a. Yang bersifat duniawi.

Al-Qur’ān menjanjikan kekuasaan dan kemuliaan di dunia jika mematuhi perintah Allah SWT, dan ancaman kehilangan kekuasaan bagi orang yang zalim jika ia ingkar terhadap perintah Allah SWT sepetimana firman Allah SWT di dalam surah *al-Nūr* :53 :

¹⁸ Salāh ‘Abd al-Fatāḥ al-Khalidy (1994). *Mafātiḥ Li al-Ta’ammul Ma ’ā al-Qur’ān*. (terj). Muhammad Ikhwan. cet. I Penerbit Kintan h.64

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ حَجَّهُدَ أَيْمَانِهِمْ لَئِنْ أَمْرَتُهُمْ لِيَخْرُجُنَّ قُلْ لَا تُقْسِمُوا طَاعَةً مَعْرُوفَةً

إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ (٥٣)

Ertinya : Dan mereka (yang munafik) bersumpah dengan nama Allah, dengan sebenar-benar sumpahnya, bahwa jika engkau (wahai Muhammad) perintahkan mereka (keluar berjihad). Katakanlah : "janganlah kamu bersumpah, (taat kamu itu) taat yang terkenal (dustanya). Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan".

Terjemahan Surah al-Nūr (24):53

b. Yang bersifat ukhrāwī.

Al-Qur'ān menjajangkan bagi siapa yang mengikuti Allah SWT dan RasulNya dengan kenikmatan abadi yang berupa syurga. Sedangkan orang-orang yang kafir dan ingkar akan disiksa dengan api yang sangat panas di neraka sepertimana firman Allah SWT di dalam surah *al-Nisā* ayat 13 :

بِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُذْحَلُهُ حَتَّىٰ تَعْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

عَالَدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ (١٣)

Ertinya : Segala hukum-hukum yang tersebut adalah batas-batas syariat Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkan Allah kedalam syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya, dan itulah kejayaan yang amat besar.

Terjemahan Surah al-Nisā (4):13

6. Hukum-hukum praktikal.

Pokok-pokok hukum praktikal telah disebutkan di dalam al-Qur'an dan kita diwajibkan mengikutinya. Dalam hal ini adalah aturan hubungan kita dengan Allah SWT dan hubungan dengan sesama manusia. Inilah yang disebut dengan fiqh al-Qur'an. Hukum-hukum amaliah ini mencakupi dua persoalan, iaitu :

Ibadah, iaitu segala hukum yang disyariatkan untuk mengatur hubungan makhluk dengan khaliknya. Ibadah ini terbahagi kepada :

- a. *'Ibadah badaniah*, seperti solat dan puasa.
- b. *'Ibadah māliyah*, seperti zakat, sedekah.
- c. *'Ibadah rūhiyah*, badaniyah iaitu haji, jihad dan melaksanakan nazar.

Mu'amalat, iaitu : segala hukum yang disyariatkan untuk menyusun dan mengatur perhubungan manusia satu dengan yang lainnya, serta perhubungan perseorangan dengan masyarakat. *Mu'amalat* ini dibahagi kepada :

- a. Hukum *ahwāl al-syakhsiyah* iaitu hukum-hukum yang berhubungkait dengan pribadi manusia itu sendiri semenjak dilahirkan hingga mati, iaitu nikah, cerai, iddah, hubungan kekeluargaan, penyusuan, nafkah, wasiat dan pusaka.
- b. Hukum-hukum *mu'amalat madaniyyah* iaitu : hukum-hukum jual beli dan sewa menyewa.
- c. Hukum *jinayah*, iaitu : hukum-hukum yang disyariatkan untuk memelihara hidup manusia, kehormatan dan harta. Hukum-hukum ini diterangkan secara terperinci di dalam al-Qur'an iaitu : pembunuhan dengan sengaja, pembunuhan dengan tidak sengaja, mencuri, merompak zina dan *qazaf*.
- d. Hukum-hukum internasional, umum dan khusus. Termasuk di dalamnya hukum-hukum yang disyariatkan untuk jihad, peraturan-peraturan perang,

perhubungan antara umat Islam dengan umat lain, hukum-hukum tawanan dan rampasan perang.

- e. Hukum-hukum acara
- f. Hukum-hukum *dustūr*, iaitu hukum-hukum yang diatur untuk menggariskan hubungan antara rakyat dengan negara.
- g. Hukum-hukum yang berhubungan dengan kewangan negara dan ekonomi.

Dari Kesemuauraian tentang isi kandungan al-Qur'an dapat diambil kesimpulan bahawa al-Qur'an merupakan cara hidup bagi umat manusia. Syar'i'at al-Qur'an selalu membimbing perjalanan hidup umat manusia agar sentiasa berada di jalan yang benar, mewujudkan kemaslahatan yang ditetapkan, dan membina kehidupan berdasarkan prinsip dan petunjuk al-Qur'an untuk membawa kepada tercapainya kedamaian dan kejayaan sama ada di dunia maupun di akhirat. Dari kenyataan tersebut dapatlah diambil inti matlamat utama al-Qur'an. Sesungguhnya matlamat utama al-Qur'an hampir tidak keluar dari empat perkara¹⁹ iaitu :

1. Memberi hidayah atau petunjuk kepada jalan Allah SWT.

Petunjuk yang diberikan al-Qur'an adalah benar, mendasar, mempunyai matlamat dan berterusan. Petunjuk ini juga mencakup individu dan ummah dengan seluruh jiwa raga, perasaan dan semua aspek kehidupannya serta mencakup seluruh manusia kepada jalan Tuhan yang maha suci.

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Isrā'* ayat 9 :

¹⁹ Ibid h. 24

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰٰٓتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُشَرِّعُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ

أَنَّ لَهُمْ أَخْرَىٰ كَبِيرًا (٩)

Ertinya : Sesungguhnya al-Qur'an ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang amat menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal yang sholeh, bahawa mereka memperoleh pahala yang besar.

Terjemahan Surah al-Isrā (17):9

Hidayah atau petunjuk di dalam ayat ini adalah am dan menyeluruh, dan kehidupan yang diserukannya pun am dan menyeluruh pula.

Dan Allah SWT berfirman dalam surah al-syūra ayat 52 :

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَذَرِّي مَا الْكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ

وَلَكِنْ جَعْلَنَاهُ نُورًا نَهْدِي بِهِ مَنْ شَاءَ مِنْ عِبَادِنَا وَإِلَكَ تَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ

مُسْتَقِيمٍ (٥٢)

Ertinya : Dan demikianlah kami wahyukan kepadamu wahyu (al-Qur'an) dengan perintah kami. Sebelumnya kamu tidaklah mengetahui apakah al-Kitab (al-Qur'an) dan tidak pula mengetahui apakah iman itu, tetapi kami menjadikan al-Qur'an itu cahaya, yang kami tunjuki dengan dia, siapa yang kami kehendaki di antara hamba-hamba kami. Dan sesunggunya kamu benar-benar memberi petunjuk kepada jalan yang lurus.

Terjemahan Surah al-Syūra (42):52

Al-Qur'an adalah roh, dan tidak ada yang boleh memberi petunjuk kecuali yang memiliki roh. Dan al-Qur'an adalah cahaya, dan Allah SWT Dialah yang memberi petunjuk dengan roh dan cahaya ini. Dialah yang memberi tugas kepada RasulNya untuk menyampaikan petunjuk kepada jalan Allah SWT yang lurus dengan al-Qur'an ini. Dan Dialah yang memberi beban kepada setiap mukmin yang mendapat petunjuk kepada orang lain.

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Mâidah* ayat 15-16 :

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا مُبِينٌ لَكُمْ كَثِيرًا مِنَّا كُشِّفْتُمُ تُخْفُونَ مِنَ الْكِتَابِ

وَيَعْلَمُونَ عَنْ كَثِيرٍ قَدْ جَاءَكُمْ مِنْ اللَّهِ تُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ (١٥) يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنْ أَتَيْعُ

رِضْوَانَهُ سُبْلَ السَّلَامِ وَيَنْهَا مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ يَأْذِنُهُ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى

صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ (١٦)

Ertinya : Wahai ahli Kitab ! Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah SWT, dan kitab yang menerangkan. Dengan kitab itulah Allah SWT menunjuki orang-orang yang mengikuti keredaan Nya ke jalan keselamatan, dan (dengan kitab itu pula) Allah SWT mengeluarkan barang-barang itu dari gelap gulita kepada cahaya yang terang benderang dengan seizin Nya, dan menunjuki mereka ke jalan yang lurus.

Terjemahan Surah al-Mâidah (5):15-16

2. Mewujudkan keperibadian yang Islami, sempurna dan seimbang.

Al-Qur'an mewujudkan keperibadian yang Islami, sempurna dan seimbang, dan mengubahnya dari realiti jahiliah yang buruk di mana jiwa menjadi hampa, akal menjadi lenyap, pengetahuan, perasaan dan mazhab menjadi tidak berfungsi.

Kemudian al-Qur'an menanam iman di dalam jiwa, menerangi seluruh aspek kehidupan dengan cahaya keimanan. Dan al-Qur'an telahpun berjaya dengan gemilang dalam mewujudkan matlamat ini di dalam kehidupan para sahabat yang mulia, di mana masing-masing mereka menjadi ahli al-Qur'an yang hidup dengan al-Qur'an, di dalam al-Qur'an dan demi al-Qur'an.

Sebagaimana pada abad-abad selanjutnya ia telah menghasilkan para tokoh al-Qur'an dengan sifat-sifatnya yang berasaskan al-Qur'an. Manusia tanpa al-Qur'an adalah orang-orang yang mati hatinya, perasaannya dan kehidupannya. Allah SWT berfirman dalam Surah *Fatir* ayat 19-22 :

وَمَا يَسْتَوِي الْأَعْمَى وَالْبَصِيرُ (١٩) وَلَا الظُّلُمَاتُ وَلَا النُّورُ (٢٠) وَلَا الظُّلْلُ وَلَا

الْحَرُورُ (٢١) وَمَا يَسْتَوِي الْأَحْيَاءُ وَلَا الْأَمْوَاتُ إِنَّ اللَّهَ يُسْمِعُ مَنْ يَشَاءُ وَمَا أَنْتَ

يُسْمِعُ مَنْ فِي الْقُبُورِ (٢٢)

Ertinya : *Dan tidaklah sama orang yang buta dengan orang yang melihat, dan tidak (pula) sama gelap gulita dengan cahaya, dan tidak (pula) sama yang teduh dengan yang panas, dan tidak(pula) sama orang-orang yang hidup dengan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Allah SWT memberikan pendengaran kepada sesiapa yang dikehendaki Nya dan kamu sekali-kali tiada sanggup menjadikan orang yang di dalam kubur dapat mendengar.*

Terjemahan Surah *Fatir* (35):19-22

3. Mewujudkan masyarakat Islam yang menjawai isi al-Qur'an.

Iaitu masyarakat yang terdiri dari individu-individu yang dididik oleh al-Qur'an, dengan membangun masyarakat ini di atas sistem, dasar, prinsip dan arahan al-Qur'an. Dan dengan memperkuatkan dasar-dasar masyarakat dan sistem

kehidupannya serta membekalinya apa yang diperlukannya. Jika masyarakat itu bertolak dari nas-nas al-Qur'an, hidup di bawah naungannya, berkembang di dalam suasannya dan berpusing di bawah sinarannya; pasti akan menjadi masyarakat yang hidup, mulia, bebas dan bahagia. Namun jika itu tidak dilakukannya maka ia akan menjadi masyarakat mati yang setiap saat merasai kepedihan, penderitaan, kehinaan, ketakutan dan kenistaan.

Sesungguhnya al-Qur'an telah mewujudkan masyarakat para sahabat yang pertama, masyarakat *Qur'āni* yang memimpin dan istimewa, dan al-Qur'an masih tetap mampu mewujudkan, membangun dan membina masyarakat jika mereka bersungguh-sungguh menuju kepadanya dan bersaksi serta hidup dengannya. Al-Qur'an adalah dakwah Nabi Muhammad SAW, ia adalah ajakan kepada kehidupan yang layak bagi manusia, kehidupan yang berdasarkan ajaran al-Qur'an dalam semua aspek. Barangsiapa menolak ajaran ini, maka dia telah menolak kehidupan dan menghukum mati dirinya sendiri, iaitu kematian maknawi yang tidak serupa dengan kematian anggota tubuh. Firman Allah SWT di dalam surah *al-An'am* ayat 36 :

إِنَّمَا يَسْتَحِيْبُ الْذِينَ يَسْمَعُوْنَ وَالْمُرْتَجَى يَعْتَهُمُ اللَّهُ شَمَّ إِلَيْهِ يُرْجَعُوْنَ (٣٦)

Ertinya : Hanya orang-orang yang mendengar sahajalah yang mematuhi (seruan Allah SWT) dan orang-orang yang mati (hatinya) akan dibangkitkan oleh Allah SWT, kemudian kepadaNyalah mereka dikembalikan.

Terjemahan Surah al-An'am (6):36

Kehidupan (*al-hayāh*) itu, di dalam gaya bahasa al-Qur'an dipakai bagi enam perkara. Hal ini disebutkan oleh *Imam al-Rāghib* di dalam kitab *mufrodātnya*²⁰, beliau menyebutkan dalil-dalil dan contoh-contoh dari ayat-ayat al-Qur'an al-Karim.

Pertama :

Kekuatan yang berkembang dan wujud pada tumbuh-tumbuhan dan haiwan (*al-Anbiyā'* 30)

وَحَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلُّ شَيْءٍ حَيٌّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ (٣٠)

Dan daripada air kami jadikan segala sesuatu yang hidup.

Terjemahan Surah al-Anbiyā'(21):30

Kedua :

Kekuatan perasa, dan dengannya haiwan itu dinamakan haiwan. (*Fātiḥah* :22)

وَمَا يَسْتَوِي الْأَحْيَاءُ وَلَا الْأَمْوَاتُ (٢٢)

Ertinya : *Dan tidak (pula) sama orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati.*

Terjemahan Surah Fātiḥah(35):22

Ketiga :

Kekuatan yang bekerja dan berakal (*al-An'ām* 122)

أَوْمَنْ كَانَ مِيتًا فَأَحْيَنَاهُ (١٢٢)

Ertinya : *Dan apakah orang yang sudah mati kemudian dia kami hidupkan.*

Terjemahan Surah al-An'ām

(6):122

²⁰ Al-Rāghib al-Asfahānī (1961). *Al-Mufrodāt fi Ghārib al-Qur'ān*. Ta'qīq Muhammad Sayyid Kailānī. Muṣṭafā al-Halābī Misr h.85

Keempat :

Hilangkan kesusahan. Firmah Allah SWT di dalam surah *al-Nahl* : 97

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنُخْرِجَنَّهُمْ
أَخْرَحُهُمْ بِأَخْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٩٧)

ertinya : *Barang siapa yang mengerjakan amal salih, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan kami berikan kepadanya kehidupan yang baik.*

Terjemahan Surah al-Nahl(16):97

Kelima :

Kehidupan akhirat yang kekal abadi. Hal ini boleh dicapai dengan kehidupan yang berupa akal dan ilmu. Allah SWT berfirman di dalam surah *al-Fajr* 23-24 :

وَجِيءَ يَوْمَئِذٍ بِهَمَّتْ يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ الْإِنْسَانُ وَأَنِّي لَهُ الذَّكْرَ (٢٣) يَقُولُ يَا لَيْتَنِي
قَدْمَتْ لِحَيَاةٍ ٢٤

ertinya : *Dan pada hari itu ingatlah manusia, akan tetapi tidak berguna lagi mengingati baginya. Dia mengatakan, “ alangkah baiknya kiranya aku dahulu mengerjakan (amal shalih) untuk hidupku ini.*

Terjemahan Surah al-Fajr(89):23-24

Keenam :

Kehidupan yang merupakan sifat Allah SWT Allah SWT adalah hidup, ertinya mati tidak benar baginya. Allah SWT di dalam surah *Ghafir* : 65

هُوَ الْحَيُّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ (٦٥)

Ertinya : *Dialah yang hidup kekal, tiada Tuhan (yang patut disembah) kecuali Dia.*

Terjemahan Surah Ghāfir(40):65

Mewujudkan kepemimpinan umat Islam di dalam perlawanannya melawan jahiliah disekitarnya dan melawan musuh yang menanti-nanti kejatuhannya. Al-Qur'an membimbing tangan ini ke medan pertempuran tersebut.

Al-Qur'an menetapkan hal itu baginya dan membantunya dengan sebab-sebab kemenangan, senjata-senjata peperangan dan cara berjihad. Ia memberi tahu umat mengenai sebab para musuh memerangi mereka, tujuan mereka memerangi, kesepaduan mereka di dalam memerangi, penggunaan semua kemampuan mereka bagi memusnahkan umat, keperibadian dan kejiwaan mereka, siasat dan tipu daya mereka, helah dan perlawanan mereka, keraguan dan anggapan mereka, dan senjata-senjata dan peralatan mereka.

Inilah yang dilakukan oleh al-Qur'an terhadap para sahabat di dalam jihad mereka, dan ini pula yang dilakukan terhadap kaum muslimin apabila mereka berusaha mewujudkan matlamat ini. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Furqān* ayat 52 :

فَلَا تُطِعْ الْكَافِرِينَ وَجَاهِدُكُمْ بِهِ جِهَادًا كَبِيرًا (٥٢)

Ertinya : *Maka janganlah kamu mengikuti orang-orang kafir dan berjihadlah terhadap mereka (dengan al-Qur'an) dengan jihad yang besar.*

Terjemahan Surah al-Furqān(25):52

Ini adalah arahan Allah SWT bagi Rasulullah SAW dan bagi umat selepasnya supaya menjadikan al-Qur'an al-Karim alat dan wasilah yang membantu mereka di dalam berjihad terhadap orang-orang kafir, dan supaya mereka menganggap al-Qur'an sebagai senjata pertama asasi dan berkesan di dalam jihad ini.

Namun yang menyediakan pada zaman ini orang-orang yang naik menjadi pemimpin dan penguasa umat merujuk kepada musuh Islam dan musuh al-Qur'an. Mereka meminta pertolongan musuh di dalam memerangi dan berjihad terhadap al-Qur'an, mereka bersekutu dengan musuh-musuh itu di dalam melenyapkan petunjuknya, memadamkan cahayanya dan memusnahkannya. Akan tetapi mereka lupa bahawa mereka itu sebenarnya memerangi Allah SWT dan akibat siapa sahaja yang memerangi Allah SWT itu dalam sejarah telah diketahui. Maha benar Allah SWT dengan firmanNya surah *al-Saff* 8-9

يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتَمِّنٌ نُورِهِ وَلَنْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ(٨) هُوَ

الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينُ الْحَقِّ لِيُظَهِّرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَنْ كَرِهَ

الْمُشْرِكُونَ(٩)

ertinya : Mereka hendak memadamkan cahaya (agama) Allah SWT dengan mulut (ucapan-ucapan) mereka, dan Allah SWT tetap menyempurnakan cahayaNya meskipun orang-orang kafir benci. Dialah yang mengutus RasulNya dengan membawa petunjuk yang benar agar Dia menenangkan di atas segala agama-agama meskipun orang-orang musyrik benci.

Terjemahan Surah Al-Saff(61):8-9

1.5 Fungsi al-Qur'an

Al-Qur'an di dalam perbicaraannya tidak menghaskan kepada bangsa tertentu ataupun kelompok tertentu. Tetapi ianya berbicara kepada semua umat manusia. Al-Qur'an menyeru setiap kelompok melalui hujah-hujah dan penalaran. Hal ini menunjukkan bahawa al-Qur'an adalah sebuah kitab yang universal.

Al-Qur'an memuatkan dan menerangkan tujuan umat manusia dengan bukti-bukti kuat dan sempurna. Tujuan itu akan dapat dicapai dengan pandangan realistik terhadap alam, dan melaksanakan pokok-pokok akhlak dan hukum-hukum perbuatan.

Al-Qur'an mempunyai pelbagai fungsi yang kesemuanya bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada kesesatan, dan membawanya ke jalan yang lurus. Di antara fungsi-fungsi al-Qur'an adalah seperti berikut :

1. Al-Qur'an sebagai petunjuk jalan yang lurus.

Al-Qur'an merupakan satu-satunya kitab suci dari Allah SWT yang diturunkan kepada manusia sebagai petunjuk ke jalan yang lurus dan benar bagi orang-orang yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT Firman Allah SWT di dalam surah *al-Baqarah* ayat 2 :

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبَّ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ (٢)

ertiinya : Kitab itu (al-Qur'an) tidak ada keraguan padanya, menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa

Terjemahan Surah al-Baqarah(2):2

Firman Allah SWT juga di dalam surah *al-Baqarah* ayat 185 :

A511654043

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

ertinya : Bulan Ramadhan di dalamnya diturunkan al-Qur'an untuk menjadi petunjuk bagi manusia dan beberapa keterangan dari petunjuk dan membezakan antara yang hak dan batil.

Terjemahan Surah al-Baqarah(2):185

Firman Allah SWT di dalam surah *Ali Imrān* ayat 138 :

هَذَا يَبَانُ لِلنَّاسِ وَهُدًىٰ وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ (١٣٨)

ertinya : Inilah (al-Qur'an) menjadi keterangan bagi manusia dan menjadi petunjuk dan pengajaran bagi orang-orang yang bertaqwa.

Terjemahan Surah Ali Imran(3):138

2. Al-Qur'an sebagai cahaya dan pedoman.

Al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah SWT adalah sebagai bukti dan cahaya penerangan yang nyata bagi umat manusia. Orang-orang yang beriman kepada Allah SWT dan berpegang teguh kepada pimpinan al-Qur'an akan memperolehi petunjuk dan rahmat serta kurniaNya. Dengan kebenaran al-Qur'an dapat mengeluarkan manusia dari alam kegelapan ke alam cahaya yang terang dan memperoleh pedoman ke jalan yang benar.

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Māidah* ayat 15-16 :

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا مُبِينٌ لَكُمْ كَثِيرًا مِمَّا كُنْتُمْ تُخْفُونَ مِنَ الْكِتَابِ

وَيَعْلَمُو عَنْ كَثِيرٍ قَدْ جَاءَكُمْ مِنْ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ (١٥) يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنْ

أَتْبِعْ رِضْوَانَهُ سَبِيلَ السَّلَامِ وَيَغْرِحُهُمْ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى

صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ (١٦)

ertinya : *Wahai ahli Kitab ! Sesungguhnya telah datang kepadamu nur (cahaya) dan kitab yang nyata dari Allah SWT Dengan kitab itu Allah SWT menunjuki orang-orang yang mengharapkan keredhaanNya kepada jalan yang selamat dan mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya yang terang dengan izinNya dan menunjuki mereka itu kejalan yang lurus.*

Terjemahan Surah al-Mâidah(5):15-16

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Syûra* ayat 52 :

وَكَلَّكُلَّ أُوحِيَتْ إِلَيْكُ رُوحًا مِنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَدْرِي مَا الْكِتَابُ وَلَا الْيَقَانُ

وَلَكِنْ حَعْلَنَا نُورًا نَهْدِي بِهِ مَنْ نَشَاءُ مِنْ عِبَادِنَا وَإِلَيْكَ نَهْدِي إِلَى صِرَاطِ

مُسْتَقِيمٍ (٥٢)

Ertinya : *Demikianlah kami wahyukan kepadamu suatu ruh (al-Qur'an) yang menghidupkan hati, dengan perintah kami. Kamu belum mengetahui apakah kitab dan apakah iman. Tetapi kami jadikan dia (al-Qur'an) nur (cahaya penerangan), kami tunjukkan dengan dia siapa yang kami kehendaki di antara hamba-hamba kami. Dan sesunggunya kamu benar-benar memberi petunjuk kepada jalan yang lurus.*

Terjemahan

Surah al-Syûra(42):52

3. Al-Qur'an sebagai pemisah antara yang hak dan yang batil.

Segala sesuatu yang terdapat di dalam al-Qur'an adalah keterangan yang benar dari Allah SWT Ia telah membenarkan kitab-kitab yang telah diturunkan

terdahulu. Al-Qur'an telah menjadi pemisah atau pembeza antara yang hak dan batil bagi orang-orang beriman.

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Zumar* ayat 41 :

إِنَّا أَنزَلْنَا عَلَيْكُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ

Ertinya : Sesungguhnya kami telah menurunkan kitab (*al-Qur'an*) kepada engkau (*Muhammad Saw*) untuk manusia dengan kebenaran.

Terjemahan Surah al-Zumar(39):41

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Isrā* ayat 105 :

وَبِالْحَقِّ أَنْزَلْنَاهُ وَبِالْحَقِّ نَزَّلْنَاهُ

Ertinya : Dengan kebenaran kami menurunkan (*al-Qur'an*) dan dengan kebenaran ia diturunkan.

Terjemahan Surah al-Isrā(17):105

Dan firman Allah SWT pula di dalam surah *al-Syūra* ayat 17 :

اللَّهُ الَّذِي أَنْزَلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ وَالْمِيزَانَ

Ertinya : Allah SWT yang menurunkan kitab (*al-Qur'an*) dengan benar dan sebagai neraca keadilan (*syariat*).

Terjemahan Surah al-Syūra(42):17

4. Al-Qur'an kitab yang penuh peringatan dan pengajaran.

Al-Qur'an mengandungi peringatan dan pengajaran dari Allah SWT bagi seluruh umat manusia yang beriman.

Firman Allah SWT di dalam surah *Sād* ayat 1 :

صَوْلَقْرَآنِ ذِي الذَّكْرِ (١)

Ertinya : *Şad. Demi al-Qur'an yang mengandungi peringatan.*

Terjemahan Surah Şad(38):1

Firman Allah SWT di dalam surah *Yāsīn* ayat 69 :

وَمَا عَلِمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَتَبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُبِينٌ (٦٩)

Ertinya : *Dan tidaklah kami mengajarkan syair kepadanya (Muhammad Saw) dan tiadalah syair itu patut baginya. Dia tidak lain hanya peringatan dan al-Qur'an yang terang.*

Terjemahan Surah Yāsīn(36):69

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Qamar* ayat 32 :

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذَّكْرِ فَهُلْ مِنْ مُدْكِرٍ (٣٢)

Ertinya : *Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan al-Qur'an untuk menjadi peringatan. Adakah orang akan mengambil pengajaran daripadanya ?.*

Terjemahan Surah al-Qamar(54):32

5. Al-Qur'an mengeluarkan manusia dari kegelapan.

Al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad Saw adalah untuk mengeluarkan umat manusia dari alam kegelapan ke alam cahaya, iaitu dari kesesatan, kebodohan, kejahilan dan kebiadaban kepada jalan kebenaran, keimanan dan peradaban yang baik dan maju.

Firman Allah SWT di dalam surah *Ibrāhīm* ayat 1 :

الرِّكَابُ أَنْزَلَنَا إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ يَأْذُنُ رَبِّهِمْ إِلَيْ

صِرَاطِ الْغَرِيزِ الْحَمِيدِ (١)

Ertinya : *Alif Lām Rā*. (*inilah*) kitab al-Qur'ān, Kami turunkan dia kepada engkau (*Muhammad Saw*) supaya engkau dapat mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cahaya yang terang dengan izin tuhan mereka kepada jalan yang maha perkasa dan maha terpuji.

Terjemahan Surah Ibrāhīm(14):1

Firman Allah SWT di dalam surah al-Hadid ayat 9 :

هُوَ الَّذِي يُنَزِّلُ عَلَى عَبْدِهِ آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لِيُخْرِجَ حُكْمَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

Ertinya : Dia (*Allah SWT*) menurunkan kepada hambaNya (*Muhammad Saw*) beberapa ayat yang terang supaya mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada cahaya yang terang.

Terjemahan Surah al-Hadid(57):9

6. Al-Qur'ān kitab ilmu yang penuh hikmah.

Kitab suci al-Qur'ān mengandungi ilmu pengetahuan yang penuh hikmah yang amat bermanfaat untuk kepentingan dan keperluan manusia yang beriman dan berfikir.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Nisā ayat 113 :

وَأَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْكَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَعَلِمْتَ مَا لَمْ تَكُنْ تَعْلَمُ

Ertinya : *Dan Allah SWT telah menurunkan atas kamu kitab (al-Qur'ān) dan hikmah dan Dia mengajar kamu apa-apa yang kamu tidak mengetahui.*

Terjemahan Surah al-Nisā(4):113

Firman Allah SWT surah *al-Isrā* ayat 39 :

ذَلِكَ مِمَّا أُوحِيَ إِلَيْكَ رَبُّكَ مِنَ الْحِكْمَةِ

Ertinya : *Demikianlah dari apa yang Tuhanmu wahyukan kepada kamu di antara hikmah.*

Terjemahan Surah al-Isrā(17):39

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Baqarah* ayat 231 :

وَأَذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنَ الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةُ يَعِظُكُمْ بِهِ

Ertinya : *Dan ingatlah olehmu nikmat Allah SWT ke atas kamu dan apa-apa yang telah diturunkan kepada kamu kitab dan hikmah, Dia memberi pengajaran kepada kamu.*

Terjemahan Surah al-Baqarah(2):231

7. Al-Qur'an kitab hukum yang wajib dipatuhi.

Al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad Saw juga mengandungi hukum-hukum lengkap dan sempurna untuk manusia atau menyelesaikan segala persoalan hidup. Segala hukum yang terkandung di dalam al-Qur'an adalah benar, adil dan sesuai bagi manusia sepanjang zaman dan wajib diikuti dan dipatuhi oleh umat Islam.

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Māidah* ayat 48 :

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَمِّمًا عَلَيْهِ

فَاحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ

Ertinya : Kami telah menurunkan al-Qur'an kepada engkau (Muhammad Saw) dengan membenarkan kitab-kitab terdahulu serta mengawasinya, sebab itu hukumlah antara mereka menurut apa yang diturunkan oleh Allah SWT.

Terjemahan Surah al-Māidah(5):48

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Nisā* ayat 105 :

إِنَّا أَنزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتُحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَكَ اللَّهُ

Ertinya : Sesungguhnya kami telah menurunkan kitab (al-Qur'an) kepada engkau (Muhammad Saw) dengan kebenaran supaya engkau menghukum antara manusia dengan apa yang diperlihatkan oleh Allah SWT kepada engkau.

Terjemahan Surah *al-Nisā*(4):105

8. Al-Qur'an kitab yang penuh kisah teladan yang paling baik.

Al-Qur'an mengandungi berbagai-bagai kisah dan teladan para Nabi dan rasul yang amat menarik sebagai pengajaran dan ikhtiar bagi umat manusia di dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran dan persoalan hidup sepanjang zaman.

Firman Allah SWT di dalam surah *Yūsuf* ayat 23-24 :

وَرَأَوْدَتْهُ الْتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ نَفْسِهِ وَغَلَقَتْ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَذِهِ لَكَ قَالَ مَعَادٌ

اللَّهُ إِلَهِ رَبِّي أَخْسَنَ مُنْزَلَاتِي إِلَهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ (٢٣)

وَلَقَدْ هَمَتْ بِهِ وَهَمَ بِهَا

لَوْلَا أَنْ رَأَى بُرْخَانَ رَبِّهِ كَذَلِكَ لِتَصْرِيفَ عَنْهُ السُّوءَ وَالْفَحْشَاءَ إِلَهُ مِنْ عِبَادِنَا

المُخلَصِينَ (٤)

Ertinya : Dan perempuan yang Yusuf tinggal di rumahnya, bersungguh-sungguh membujuk Yusuf berkehendakkan dirinya, dan perempuan itu pun menutup pintu-pintu serta berkata : "marilah kemari, aku bersedia untukmu". Yusuf menjawab : "aku berlindung kepada Allah (dari perbuatan yang keji itu), sesungguhnya Tuhanmu telah memeliharku dengan sebaik-baiknya, sesungguhnya orang-orang yang zalim tidak akan berjaya. Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaualah ia tidak menyedari kenyataan Tuhanmu (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan dari Yusuf perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana sesungguhnya ia dari hamba-hamba Kami yang dibersihkan dari segala dosa.

Terjemahan Surah Yusuf (12):23-24

9. Al-Qur'an penawar segala penyakit.

Sesungguhnya kitab suci al-Qur'an mengandungi penuh hikmah, menjadi penawar atau ubat segala macam penyakit yang ada di dalam hati, dan jiwa orang-orang yang beriman. Al-Qur'an menjadi penyembuh segala penyakit yang dialami manusia sama ada penyakit zahir dan batin, penyakit rohani atau jasmani. Di samping itu al-Qur'an juga memimpin manusia agar menjaga kesihatan, memelihara kehormatan diri dan menjauhi segala perkara yang haram.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Isra ayat 82 :

وَنَزَّلْ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Ertinya : Dan Kami turunkan al-Qur'an sebagai suatu penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Terjemahan Surah al-Isra(17):82

Firman Allah SWT di dalam surah *Fusshilat* ayat 44 :

قُلْ هُوَ لِلّٰذِينَ آمَنُوا هُدًى وَشِفَاءٌ

Ertinya : Katakanlah (Muhammad Saw) dia (al-Qur'ān) ini menjadi petunjuk dan penyembuh (penyakit dalam hati orang yang beriman).

Terjemahan Surah Fusshilat(41):44

1.6 Petunjuk al-Qur'ān Dalam Bidang Akhlak Dan Moral

Akhlik adalah penting bagi manusia. Kepentingan akhlak ini tidak saja dirasai oleh manusia dalam kehidupan secara individu, tetapi juga dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat, bahkan dalam berbangsa dan bernegara.

Akhlik adalah mutiara hidup yang membezakan makhluk manusia dari makhluk hewani. Manusia tanpa akhlak akan kehilangan maruah kemanusiaan sebagai makhluk tuhan yang paling mulia di dunia ini dan akan dipandang lebih hina daripada binatang. Dan manusia yang tidak berakhlik ini sangat merbahaya, ianya akan lebih jahat dan lebih buas dari binatang²¹.

Salah satu isi pokok kandungan al-Qur'ān adalah akhlak, Nabi Muhammad Saw diutus juga membawa misi moral untuk membawa umat manusia kepada akhlak yang terpuji dan budi pekerti yang mulia sepermata sabda beliau:

²¹ Humaidi Tatapangarsa (1979).*Pengantar Kuliah Akhlak*.Bina Ilmu Surabaya h.11

أَنَّا بَعَثْتُ لَكُم مِّكَارِمَ الْخَلَاقِ

Ertinya : Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan budi pekerti yang mulia²².

Al-Qur'an merupakan sumber pokok dan utama ajaran Islam oleh kerana ajaran moral juga merupakan salah satu aspek ajaran Islam, maka al-Qur'an juga merupakan sumber moral Islam yang pokok dan utama. Al-Qur'an membawa ajaran moral dan tuntunan akhlak yang mesti dipegangi oleh setiap orang Islam.

Al-Qur'an dalam mengemukakan ajaran moral dan tuntunan akhlak ini menggunakan dua cara.

1. Dengan cara langsung
 2. Dengan cara tidak langsung
1. Secara langsung iaitu melalui ayat-ayat moral yang disampaikan secara jelas, sepetimana dalam firman Allah SWT dalam surah *al-Nisā* ayat 58 :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأُمَ�نَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ

تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Ertinya : Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya, (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.

Terjemahan Surah al-Nisā(4):58

²² Anas Bin Mālik (1985). *Al-Muwatta*. Bāb Ḥusnu al-Akhlaq no.Hadith 690.Beyrut Dār al-Iḥyā al-Turath al-Arabi.

Ayat tersebut mengajarkan manusia supaya mengetahui hak orang lain dan bersikap ikhlas terhadap hak itu, ayat ini memerintahkan supaya amanah (hak yang dipercayakan kepada seseorang) terus di sampaikan kepada yang berhak, dan ayat ini juga memerintahkan manusia bersikap adil.

Dalam firman Allah SWT yang lain, dalam surah *al-Hujurāt* ayat 11 disebutkan :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخِرُ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ

مِنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُنْ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تُلْمِزُوهُنَّ أَنفُسَكُمْ وَلَا تَتَبَرَّوْا بِالْأَلْقَابِ

بِئْسَ الِإِسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتَبَتَّ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (١١)

Ertinya : Wahai orang-orang yang beriman ! janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) boleh jadi puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada puak yang mencemuhkan, dan janganlah pula sesuatu puak dari perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) boleh jadi puak yang dicemuhkan lebih baik daripada yang mencemuhkan, dan janganlah setengah kamu menyatakan keibaian setengahnya yang lain, dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik), maka amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah) sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka mereka lah orang-orang yang zalim.

Terjemahan Surah al-Hujarāt(49):11

Ayat tersebut mengajarkan supaya jangan mencaci dan menghina orang lain, kerana orang yang dicaci mungkin lebih baik daripada diri kita sendiri, serta jangan memanggil dan memberi gelar yang tidak baik pada orang lain²³.

2. Secara tidak langsung iaitu dengan menyampaikan kisah-kisah yang mengandungi nilai-nilai moral. Di dalam al-Qur'an kita dapat banyak kisah-kisah para Nabi dan Rasul serta umat-umat terdahulu. Kisah-kisah para Nabi, Rasul serta umat terdahulu itu adalah ajaran-ajaran dan petunjuk-petunjuk yang penting bagi orang-orang yang diseru kepada kebenaran²⁴.

Di dalam al-Qur'an terdapat petunjuk berakhlak bagi manusia tentang bagaimana manusia itu hidup sama ada sebagai individu dan masyarakat. Dan bagaimana manusia itu menempatkan dirinya di tengah-tengah masyarakat. Kesemuanya itu untuk keserasian dan keharmonisan hidup manusia sebagai khalifah di muka bumi. Di antaranya ialah :

a. Manusia sebagai makhluk individu.

Al-Qur'an memberikan pedoman bagi seorang muslim sebagai individu untuk memperbaiki akhlaknya sendiri yang mesti dizahirkan dalam kehidupannya sehari-hari yang terkumpul dalam 4 perkara, yang kesemuanya itu akan membayangkan akhlak manusia dalam kesehariannya. Empat perkara itu adalah :

1. Sesuatu yang berkaitan dengan perkataan dan ucapannya.

Al-Qur'an telah mendorong manusia untuk berkata-kata yang baik, sepertimana firman Allah SWT dalam surah *al-Isrā* ayat 53 :

²³ Dr.Harun Nasution (1974). *Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya*. Jilid I Bulan Bintang Jakarta h.46

²⁴ Prof.TM.Hasybi al-Siddiqi (1973). *Sejarah Dan Pengantar Ilmu Tafsir*. Bulan Bintang Jakarta h.160

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَخْسَنُ

Ertinya : Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman) supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran).

Terjemahan Surah al-Isrā (17):53

Dan dalam percakapannya pula manusia itu mestilah menghindarkan diri daripada pertelingkahan dan pergaduhan, dengan perkataan yang adil dan tidaklah menyimpang dari keadilan itu walaupun dengan kerabat terdekat. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah *al-An'ām* ayat 152 :

وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدُلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَى

Ertinya : Dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu).

Terjemahan Surah al-An'ām(6):152

2. Sesuatu yang berkaitan dengan tingkah laku manusia.

Al-Qur'an telah mendorong manusia agar bertingkah laku terdidik dan bersih, iaitu menjauhkan diri dari tindakan yang menyakiti orang lain, sepertimana firman Allah SWT dalam surah *Luqmān* ayat 19 :

وَأَقْصِدْ فِي مَشِيكَ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ

Ertinya : "Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata).

Terjemahan Surah Luqmān(31):19

3. Sesuatu yang berkaitan dengan ketenangan jiwa manusia yang berterusan mengingati Allah SWT Dan jiwa manusia ini mesti berkeyakinan bahawa hanya Allah SWT sajalah yang dapat mendatangkan ketenteraman dan yang mampu menegah kemudarat. Allah SWT berfirman dalam surah *al-Rā' d* ayat 28 :

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ (٢٨)

Ertinya : (iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteram hati manusia.

Terjemahan Surah al-Rā' d(13):28

4. Sesuatu yang berkaitan dengan kedudukan manusia selaku individu terhadap peristiwa-peristiwa hidup di dalam kelompoknya. Sesetengah manusia tidak reda orang lain mencari keuntungan dari masyarakatnya, mempunyai ego yang tinggi dan hanya bekerja untuk manfaat dirinya sendiri. Al-Qur'an telah memberi pedoman bagi manusia untuk berinteraksi dengan sesamanya agar kedudukannya tidak tergugat sebagai seorang individu di dalam kelompoknya. Firman Allah SWT dalam surah *al-Nisā* ayat 69 :

وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّنَ وَالصَّدِيقِينَ

وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسْنُ أُولَئِكَ رَفِيقًا (٦٩)

Ertinya : Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkanya di syurga) bersama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-Nabi, dan orang-orang siddiqin, dan orang-orang yang syahid, serta orang-orang yang shaleh, dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).

Terjemahan Surah al-Nisā(4):69

b. Manusia sebagai makhluk sosial.

Dalam membina akhlak manusia terhadap masyarakatnya, al-Qur'an memandang manusia menguasai dua segi, iaitu :

1. Di dalam hidup pribadinya di mana ia menjaga kelestarian dirinya.
2. Di dalam hidup sosialnya, di mana ia bekerja sama dengan orang lain dalam menghadapi kehidupan.

Di dalam al-Qur'an, Allah SWT membimbing manusia sebagai makhluk sosial yang tidak dapat hidup berseorangan, untuk saling bekerjasama dan tolong menolong dengan manusia lainnya serta memupuk rasa reda dan qana'ah, firman Allah SWT dalam surah *al-Qashas* ayat 77 :

وَابْتَغِ فِيمَا آتَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةِ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ كَمَا

أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ (٧٧)

Ertinya : *Dan carilah apa-apa yang telah dianugerahkan Allah SWT kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupai kebagiaaanmu dari (kenikmatan) duniaawi dan berbuat baiklah kepada orang lain) sebagaimana Allah SWT telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.*

Terjemahan Surah al-Qashas(28):77

Dalam ayat di atas Allah SWT menasihatkan kepada manusia supaya manusia itu menuju ke negeri akhirat dengan mempergunakan fasiliti kenikmatan yang diperolehi di dalam hidup di dunia dengan dua jalan, iaitu :

1. Tidak lupa terhadap hak dirinya di dunia.
2. Tidak melupakan hak orang lain di dalam kelompok masyarakatnya dengan berbuat baik dalam menggunakan kenikmatan-kenikmatan itu, dan dengan tidak berbuat kerosakan di muka bumi.

Dengan penetapan al-Qur'an terhadap hak manusia dalam memanfaatkan dunia dan segala kenikmatannya, dan tuntutan untuk berbuat baik kepada orang lain di dalam kelompoknya, serta tidak mempergunakan kenikmatan yang diperolehnya sebagai perantaraan untuk berbuat kerosakan dalam masyarakatnya, maka manusia telah menyelaraskan antara dirinya sama ada sebagai individu dan anggota masyarakat.

Gambaran keselarasan itu menunjukkan keinginan Islam terhadap keseimbangan antara dua kekuatan itu. Ataupun dengan kata lain menunjukkan bahawa Islam tidak memenangkan kedudukan manusia sebagai individu atas kedudukannya sebagai anggota masyarakat²⁵.

Apabila seorang muslim mengamalkan akhlak yang ditentukan oleh al-Qur'an, maka terwujudlah ukhuwah Islamiyah di antara manusia, dan akan nyatalah fungsi kerisalahan Islam sebagai pembawa rahmat bagi seluruh alam²⁶.

²⁵ Dr.Muhammad al-Bahri (t.t.) *Al-Islam fi al-Hayat al-Muslimin*. Maktabah Mahbab Abidin h.53

²⁶ Muhammad Abd al-Rahim Adas (1406H/1986M). *Al-Khuluk al-Hamid al-Qur'an al-Majid*.cet. I Dar al-Ulum al-Arabiyyah h.224

1.7 Kesimpulan

Dariuraian di atas dapatlah diambil kesimpulan bahawa al-Qur'an adalah Kitab Suci yang paling sempurna dan ianya merupakan manifestasi dari Kemahabesaran Allah SWT. Isi kandungannya bersifat universal dan menyeluruh, menyentuh dan mencakupi semua aspek kehidupan manusia. Sehingga tiada lagi keraguan bahawa siapa yang berpegang teguh dan mengamalkan segala perintah yang terkandung di dalamnya dan menjauhi segala yang dilarang akan selamat dalam kehidupannya di dunia dan akhirat.

Di dalam al-Qur'an juga termaktub beberapa petunjuk tentang akhlak dan moral sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini membuktikan bahawa ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Qur'an tidak hanya mementingkan aspek akidah, ibadah dan syariah sahaja, akan tetapi juga memperhatikan aspek akhlak. Kerana aspek akhlak ini juga merupakan salah satu komponen terpenting dalam ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Qur'an. Wallāhu A'lām.